



Kerja dan Rancangan Dewan Bahasa dan Pustaka

“Usaha-usaha akan dilipatgandakan dalam bahagian penyelidikan hasil-hasil sastera lama Melayu di dalam dan di luar negeri. Dalam lapangan ini juga Dewan Bahasa ini akan menghantarkan pegawai-pegawainya ke beberapa buah negeri Melayu untuk merakamkan cerita-cerita dan bahan-bahan sejarah kesusasteraan Melayu.”

Demikian – antara lain – penjelasan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Tuan Syed Nasir bin Ismail, dalam ucapan radionya baharu-baharu ini – Pengarang Qalam.

(Oleh Syed Nasir bin Ismail Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka)

Tujuh bulan yang lalu, iaitu pada akhir bulan Mei 1957, saya telah bercakap sekali kepada pendengar-pendengar sekalian berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka ini. Pada masa itu saya baharu sahaja memegang jawatan Pengarah Dewan ini dan kita sekalian sedang dihinggapi suatu semangat yang hingga sekarang masih berkobar-kobar, iaitu semangat bahasa jiwa bangsa. Saya sendiri yakin bahawa semangat bahasa jiwa bangsa ini akan tetap hidup dalam jiwa kita sekalian hingga zaman-zaman keturunan kita yang akan datang.

Saya sebut soal semangat ini kerana saya teringat akan suasana pada masa saya mula-mula memegang teraju Dewan ini – tujuh bulan yang dan lalu. Masa itu saya ibaratkan diri saya sebagai nakhoda baharu bagi bahtera Dewan Bahasa dan Pustaka yang sedang dipukul ombak dan gelora; saya merasa percikan air membasahi pakaian nakhoda baharu itu. Waktu itu juga saya insaf bahawa gelora ini ialah gelora semangat bahasa jiwa bangsa dan dengan keinsafan itulah saya memohon pertolongan dari Allah

subhānahu wa Ta’ālā moga-moga kabus akan segera lenyap dan bahtera ini terlepas dari sebarang bahaya ranjau dan batu karang. Tiap-tiap gelora yang terbit dari desakan semangat yang suci tetap akan dapat diatasi dengan panduan semangat itu juga. Demikianlah keyakinan saya.

Sekarang ini – alhamdulillah – gelora sudah tenang dan bahtera Dewan Bahasa dan Pustaka belayar mengikut rancangannya, menyinggahi beberapa pelabuhan kecil dan besar, mengisi muatan-muatan baharu yang hendak dilayarkan seterusnya ke pulau cita-cita bahasa jiwa bangsa.

Setelah tujuh bulan belayar dan kita telah singgah pula pada pelabuhan merdeka yang amat penting dan amat besar ertinya bagi pelayaran ini maka sekarang kita sedang menghadapi tahun baharu dengan muatan yang lebih banyak dan lebih penting. Kita sedang menghadapi suatu pelayaran jauh dan membawa amanah yang besar; iaitu amanah bangsa dan negara.

Patutlah rasanya saya menyampaikan perutusan kepada tuan-tuan dari bahtera Dewan Bahasa dan Pustaka ini; di mana kami berada sekarang, muatan apa yang sudah

kami tambahkan di dalam bahtera ini dan ke mana lagi sesudah ini – dalam tahun 1958 ini. Tuan-tuan patut mengetahui ini semua kerana tuan-tuanlah yang melepaskan kami belayar, amanah tuan-tuanlah yang kami layarkan dan kepada tuan-tuanlah kami bertanggungjawab.

Sebagaimana telah saya terangkan tujuh bulan yang lalu melalui pemancar radio ini bahawa rancangan yang pertama hendak dijalankan untuk memudahkan pelayaran bahtera ini ialah memindahkan pejabatnya ke ibu kota Persekutuan Tanah Melayu. Perpindahan itu sudahlah dilakukan dengan selamat pada pertengahan bulan Julai yang lalu. Berikutan dengannya sambil bekerja dan berusaha maka pejabat sementara di Kuala Lumpur ini sudahlah selamat diatur.

Pejabat terjemah-menterjemah Pejabat Pelajaran Persekutuan telah pula dimasukkan ke dalam Dewan ini dan kakitangan-kakitangannya telah meneruskan pekerjaan dengan rancangan-rancangan baharu. Di antara rancangan untuk bahagian ini ialah menjalankan tugas penerbitan buku-buku sekolah yang sudah pun dipikulkan kepada Dewan ini. Sementara menanti terdirinya sebuah bahagian yang lengkap untuk menyelenggarakan segala pekerjaan yang mengenai buku-buku sekolah itu maka kerja-kerja yang patut dijalankan oleh bahagian terjemahan ini sudahlah berjalan dengan baik.

Naskhah bahasa Melayu perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah diterjemahkan dan sedang dicetak di pejabat cetak kerajaan. Terjemahan risalah “Panduan Ilmu Mengajar” bagi guru-guru sekolah umum sudah juga siap dan kitab ilmu kira-kira bagi darjah lima sekolah umum sedang dicetak pada masa ini. Buku ilmu hisab (matematik) bagi tahun yang pertama sekolah menengah Melayu sudah pun disediakan dengan menggunakan istilah-istilah baharu dan

akan mulai dicetak dalam bulan ini juga

Buku yang bernama “Aku di Sebuah Pulau” yang mengandungi sembilan cerita-cerita pendek, dan buku “Sejarah Kesusasteraan Melayu” penggal dua adalah di antara beberapa buah buku yang sedang dalam percetakan, manakala bahan-bahan bagi buku “Sejarah Kesusasteraan Melayu” penggal tiga sudah pun disediakan. Selain daripada itu dua buah buku Jawi bagi darjah satu dan dua – julung bacaan dan penimbau akal – yang kekurangan di sekolah-sekolah itu dari semenjak tahun 1952 sedang dicetak semula dengan beberapa pindaan mengikut jalan bahasa Melayu yang betulnya, dan saya harap akan dapat diberikan kepada tiap-tiap seorang murid dalam darjah-darjah tersebut pada permulaan penggal dua persekolahan. Buku-buku ini adalah dipakai sementara dapat digantikan dengan buku-buku baharu yang lebih sesuai pada masa ini.

Dalam masa itu juga bahagian yang menguruskan bacaan-bacaan untuk umum dalam Dewan ini telah dapat menerbitkan sebuah majalah bulanan semenjak bulan September yang lalu dan hingga ini 21,000 naskhah majalah ini sudah pun dikeluarkan. Majalah itu dinamakan “Majalah Bulanan Dewan Bahasa”. Keluarannya yang kelima, iaitu bilangan (1) jilid dua sedang mengunjungi pembaca-pembacanya sekarang ini. Di samping itu beberapa buah naskhah yang dahulu dikirmkan orang-orang kepada Dewan ini telah pun disampaikan kepada “Jawatankuasa Buku-buku Sekolah-Kementerian Pelajaran” untuk disemaknyanya.

Sebuah buku kecil yang merupakan risalah “Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Dari Segi Kebudayaan” yang ditulis untuk jadi kertas kerja Kongres Kebudayaan di Melaka baharu-baharu ini sudah pula diterbitkan

dan sedang dijual dengan harga 50 sen sebuah.

Sebuah lagi yang penting ialah buku “novel” bahasa Inggeris yang tua bernama “Anak Raja dan Anak Papa” terjemahan Pendeta Za’ba yang tebalnya kira-kira 300 muka, sedang dalam percetakan sekarang ini.

Bahagian perpustakaan kita terus juga mengumpulkan buku-buku. Dan pada masa ini kita telah mempunyai 4,684 buah buku. Di antaranya 1,750 buku dari Indonesia dan 1,870 buku Penerbitan Tanah Melayu serta 1,064 buku bahasa Inggeris. Dua ribu daripadanya baharu dibeli dalam masa tujuh bulan yang akhir ini. Sementara itu pameran buku-buku dijalankan juga. Kita telah mengadakan pameran di Kota Bharu, di Kuala Trengganu, di Sabak Bernam, di Rembau, di Ipoh, baharu-baharu ini di Melaka dan pada 10 haribulan ini di Slim River.

Bahagian Penyelidikan Sastera Lama kita, walaupun belum tertubuh dengan lengkapnya, sudah pula dapat mengadakan penyiasatan ke Kelantan dan telah berhasil dapat meminjam sebelas buah buku-buku lama tulisan tangan dengan pertolongan orang-orang terkemuka yang cintakan perpustakaan Melayu di sana. Buku-buku itu yang sekarang sedang dikaji dan dijadikan bahan untuk penyelidikan seterusnya. Pekerjaan mengambil gambar tiap-tiap muka dari buku-buku tersebut sudah dijalankan dan sekarang sedang dijilid.

Bahagian istilah dan kamus kita tetap juga berjalan dengan baiknya. Jawatankuasa istilah yang ditubuhkan oleh Dewan ini tetap mengadakan persidangan-persidangan membincangkan istilah-istilah jabatan-jabatan kerajaan, sains dan teknik.

Satu hal yang besar dan penting yang dihadapi oleh Dewan ini ialah melaksanakan tugas-tugas yang disyorkan oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga dahulu. Berhubung dengan soal ini masalah ejaan dan

penyatuan pemakaian bahasa di Tanah Melayu dan Indonesia adalah dianggap sangat penting. Perundingan-perundingan telah diadakan dan sedang berjalan terus melalui Kedutaan Besar Persekutuan Tanah Melayu di Jakarta untuk mengatur supaya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dapat mengadakan kunjungan rasmi ke Indonesia mengenai soal bahasa dan juga soal ejaan itu.

Dalam pada itu dengan desakan Dewan Bahasa dan Pustaka ini maka Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menumbuhkan sebuah jawatankuasa yang memikul tugas mengkaji syor-syor berkenaan dengan perubahan ejaan rumi yang dicadangkan oleh Kongres Bahasa itu. Mesyuarat pertama jawatankuasa tersebut telah diadakan pada 28 Disember yang lalu. Di antara ahli-ahli jawatankuasa tersebut termasuk juga wakil dari badan tetap Kongres Bahasa.

Demikianlah sedikit sebanyak perkara-perkara yang dijalankan oleh Dewan Bahasa hingga sekarang. Saya suka pula menyatakan atau membayangkan sedikit sebanyaknya rancangan-rancangan yang akan dijalankan seterusnya dalam tahun ini.

Dua buah lagi jawatankuasa istilah akan dibentuk di Kuala Lumpur dalam bulan Februari ini bagi mempercepat dan memperbanyakkan istilah-istilah bahasa Melayu dalam tiap-tiap bahagian ilmu sains dan teknik. Istilah-istilah ini saya bercadang akan dibukukan mengikut perkara atau mata pelajarannya.

Usaha-usaha akan dilipatgandakan dalam bahagian penyelidikan hasil-hasil sastera lama Melayu di dalam dan di luar negeri. Dalam lapangan ini juga Dewan ini akan menghantarkan pegawai-pegawainya ke beberapa buah negeri Melayu untuk merakamkan cerita-cerita dan bahan-bahan sejarah kesusasteraan Melayu. Dewan ini berkehendakkan seorang lepasan universiti untuk mengetuai bahagian

penyelidikan ini, dan jawatan ini akan diiklankan

sedikit masa lagi.

Perpustakaan yang ada ini akan diperluaskan dan usaha-usaha serta ikhtiar-ikhtiar akan dijalankan supaya bukan sahaja ia menjadi perpustakaan meminjamkan buku-bukunya kepada orang ramai kelak, malahan akan dapat dijadikan perpustakaan kebangsaan dengan mengadakan segala bahan yang lengkap untuk pengajian perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu dari zaman bahari.

Pengeluaran dan penerbitan buku-buku bagi sekolah-sekolah dan bagi bacaan umum adalah rancangan yang penting yang akan dikerjakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tahun ini. Bahan-bahan bagi buku-buku itu boleh didapati daripada tiga punca:

Pertama: Karangan asli,

Kedua: Terjemahan,

Ketiga: Penyesuaian (*adaptation*).

Dewan ini akan mempelawa dan menjemput penulis-penulis dari pegawai-pegawai jabatan-jabatan kerajaan, universiti, maktab-maktab, sekolah dan orang-orang ramai bagi mengarang, menterjemah dan menyusun buku-buku yang daftarnya kelak akan diumumkan menerusi akhbar-akhbar, risalah-risalah, radio dan lain-lainnya. Untuk menambah lagi kecergasan Dewan Bahasa dan Pustaka ini maka Dewan ini akan mengambil beberapa orang lagi penterjemah-penterjemah dan penolong-penolong pengarang.

Selain daripada itu dalam tahun ini juga Dewan ini bercadang akan menganjurkan peraduan mengarang novel dan buku-buku pengetahuan dengan tujuan hendak menggalakkan semangat suka mengarang dalam kalangan orang Melayu. Di antara rancangan yang penting sekali untuk meluaskan pemakaian meninggikan semangat cintakan bahasa kebangsaan, maka Dewan Bahasa dan Pustaka

hendak mengadakan Minggu Bahasa Kebangsaan serentak di seluruh di Persekutuan Tanah Melayu dalam suatu masa yang akan ditentukan dalam tahun ini. Rancangan-rancangan ini akan merupakan pertandingan-pertandingan bahas, karang-mengarang, syarahan dan sebagainya terbuka kepada seluruh rakyat negeri ini.

Selain daripada semboyan “Bahasa Jiwa Bangsa” maka buku-buku keluaran Dewan ini akan membawa satu lambang baharu yang telah direka merupakan sepeleph daun lontar dan sugar kabung.

Selain daripada rancangan-rancangan ini Dewan Bahasa dan Pustaka akan berusaha supaya sedapat-dapatnya meneruskan kerjasama dengan lembaga tetap Kongres Bahasa Melayu dan mengadakan pula kerjasama dengan Dewan Kebudayaan Kebangsaan yang telah ditubuhkan baharu-baharu ini. Kejayaan rancangan-rancangan ini sangatlah berharapkan kerjasama dari segala lapisan masyarakat dan dengan kerjasama itulah insya-Allah Dewan Bahasa dan Pustaka ini akan dapat menunaikan kewajipan dan tanggungjawabnya. Demikianlah wassalam.

Sudah siap!

Surat-menyurat

(Rumi)

Kunci bagi menulis dan menjawab segala surat-surat dengan bermacam cara dan gaya!

Senaskhah \$1.50 – pos 10 sen

Pesan kepada:

QALAM

356/358, Geylang Road,

Singapore 14.